

# 'Harap PM boleh tolong'

44 pemilik rumah terjejas akibat MRT mahukan pembelaan

IZWAN ROZLIN

**DAMANSARA** - Akibat suara mereka tidak dilayan, lebih 40 pemilik kediaman di Pinggiran Zaaba Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dekat sini mengadakan bantahan aman, Rabu lalu.

Langkah itu diambil berikutan cadangan membina laluan Transit Aliran Massa (MRT) yang melalui kawasan kediaman mereka tidak diurus dengan betul.

Kebanyakan mereka yang ditemui kecewa kerana pihak yang terlibat tidak mahu melayan permintaan pemilik kediaman yang mahu mengadakan perbincangan berhubung pembinaan landasan MRT itu.

Penduduk, Hassan Bakri, 76, berkata, daripada 69 rumah di kawasan itu hanya 25 rumah ditawarkan pampasan.

"Kami pernah menyuarakan



Penduduk Pinggiran Zaaba Taman Tun Dr Ismail (TTDI) mengadakan bantahan secara aman, baru-baru ini.

masalah ini tahun lalu, namun Syarikat Prasarana Negara berjanji mahu menyelesaikan masalah namun sehingga projek ini diserahkan kepada MRT Coporation tiada sebarang jawapan diberikan malah mereka menolak bantahan yang dibuat penduduk April lalu," katanya pada

sidang media dan piket secara aman yang diadakan di sini.

Menurutnya, penduduk ketika ini mencadangkan supaya landasan itu dibina di bawah tanah namun ianya ditolak dengan alasan MRT Corporation boleh bankrap jika cadangan itu diteruskan.

Seorang lagi penduduk, Zainab Daud, 60, berkata, adalah tidak wajar Kerajaan mengorbankan nilai hartanah penduduk untuk menjayakan projek berkenaan.

"Kami tidak tolak projek, tetapi ikutilah cadangan kami ini demi kesejahteraan penduduk tinggal ham-

pir dengan projek MRT ini," katanya yang sudah tinggal di situ sejak lebih 30 tahun lalu.

Difahamkan sepanjang tempoh pembinaan landasan itu, penduduk bakal terseksa menanggung bunyi bising, hadapi masalah habuk yang kritikal malah projek selesai, mereka terpaksa pula mendengar bunyi gerabak MRT 30 kali dalam tempoh 18 jam setiap hari.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Persatuan Pemilik-Pemilik Rumah Pinggir Zaaba Teoh Chye Tee berkata, pihaknya sudah menyerahkan surat rasmi kepada BN Segambut untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Berhubung isu yang dibangkitkan penduduk itu, Pengerusi BN Segambut, B Jayanthi Devi berkata, perkara berkenaan sudah dibawa kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk diselesaikan.